



جائتہ مفتی نكزري قولاً و قينع

JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
TINGKAT 48, KOMTAR,
10000 PULAU PINANG

PENANG
2030



Tel : 04-2632975 (Pej. Am)
04-2630634 (Mufti)
04-6505452 (Fatwa)
04-6505453 (Falak)
04-6505454 (Pentadbiran)
Faks : 04-2632985


KENYATAAN RASMI MUFTI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PENJELASAN MENGENAI PELAKSANAAN SOLAT JUMAAT DI MASJID/SURAU JUMAAT DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

1. Adalah dimaklumkan bahawa saya bagi pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah mengambil maklum tentang perlanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020 oleh pihak Kerajaan Malaysia akibat penularan wabak COVID-19.
2. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang telah memutuskan;
 - a. Semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat, solat berjemaah lima (5) waktu, solat sunat Tarawih, solat sunat Aidilfitri, kuliah, ceramah, majlis berbuka puasa, majlis akad nikah dan apa jua aktiviti hendaklah ditangguhkan sehingga diisytiharkan keadaan kembali selamat atau apa-apa ketetapan yang diputuskan oleh pihak Kerajaan Malaysia.
 - b. Sepanjang tempoh tersebut azan lima (5) waktu solat fardu hendaklah diteruskan seperti biasa sebagaimana panduan yang telah diedarkan sebelum ini bertarikh 17 Mac 2020 dan 26 Mac 2020 adalah berkaitan.
 - c. Namun, demi menjaga dan menghidupkan syiar Islam, solat Jumaat di Masjid dan Surau Jumaat dalam Negeri Pulau Pinang dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah dibenarkan mulai 29 Ramadan 1441H bersamaan 22 Mei 2020. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah terhad antara dua belas (12) hingga lima belas (15) orang jemaah sahaja di masjid-masjid dan surau-sarau Jumaat seluruh negeri Pulau Pinang. Mereka terdiri daripada Pegawai Masjid/Sarau dan Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid/Sarau serta Siak sahaja.
 - d. Manakala bagi ahli-ahli Kariah yang tidak hadir menunaikan solat Jumaat di masjid, hendaklah menunaikan solat Fardu Zohor di rumah masing-masing setelah solat Jumaat di masjid selesai dilaksanakan.
 - e. Kaedah ini hanya terpakai untuk pelaksanaan solat Jumaat semasa tempoh PKPB ini sahaja dan tidak boleh dipakai pada permohonan mendirikan solat Jumaat bagi tempat-tempat yang tidak mencukupi bilangan 40 orang jemaah.

- f. Pelaksanaan solat Jumaat ini hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sebagai langkah mencegah sebarang jangkitan COVID-19 daripada terus merebak.
- g. Perlanjutan atau penamatan tempoh PKPB ini tertakluk kepada nasihat dan pandangan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Malaysia.
- h. Semua umat Islam dinasihatkan untuk memperbanyakkan ibadah di rumah masing-masing secara berjemaah dengan ahli keluarga di samping melaksanakan Qunut Nazilah, Solat Hajat dan membaca doa menghindarkan bala bagi memohon keselamatan dan kesejahteraan untuk semua.

Sekian, dimaklumkan.



DATO' SERI DR. WAN SALIM BIN WAN MOHD NOOR

Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang

15 Mei 2020 / 22 Ramadan 1441